

11 MAR 2002

Mahathir-Rusia

DR MAHATHIR AKAN SAMPAI UCAPAN PADA FORUM DI RUSIA, JERMAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan mengetuai rombongan ke Rusia dan Jerman bermula minggu ini, akan menyampaikan ucapan pada dua forum perniagaan -- di Moscow pada 14 Mac dan di Munich pada 18 Mac.

Ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-Rusia bertajuk "Globalisasi - Ke Arah Pasaran yang Adil dan Makmur" manakala penyampaian di Jerman mengenai "Mencapai Satu Wawasan: Cara Malaysia," menurut kenyataan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dalam kenyataan di sini hari ini.

ASLI berkata kedua-dua forum itu akan terbina atas kejayaan sidang kemuncak pelaburan Malaysia di New York dalam kedudukan strategik negara sebagai destinasi perniagaan dan pelaburan yang berdaya maju dan menguntungkan.

Forum berkenaan juga akan memaparkan daya tarikan perniagaan Malaysia dan menarik perhatian kepada asas makro-ekonominya yang meningkat dan ketelusan dan tadbir urus korporat yang dipertingkatkan, katanya.

ASLI adalah salah satu daripada pengajur forum perniagaan itu.

Dr Mahathir akan melakukan lawatan rasmi ke Rusia dari 14 hingga 16 Mac, ke Jerman pada 18-20 Mac dan selepas itu melawat Poland dari 21-22 Mac.

Forum di Rusia akan menumpukan kepada memperkukuhkan kerjasama perniagaan dua hala dan mempamerkan potensi pelaburan Malaysia kepada peniaga dan syarikat Rusia.

Kira-kira 100 pemimpin perniagaan Malaysia akan menyertai lebih daripada 250 ahli perniagaan Rusia pada forum itu.

Forum di Munich pula akan mempromosikan Malaysia di Jerman dan menarik lebih banyak pelabur Jerman ke Malaysia.

Antara tokoh lain yang dijangka berucap pada forum perniagaan di Jerman ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

-- BERNAMA

MR SD OS